

04/08/2001

Mahathir, Arroyo bincang isu dua hala

Zainal Ahamad

KOTA TINGGI, Jumaat - Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke negara ini mulai 7 hingga 9 Ogos ini.

Arroyo bersama 160 delegasi membabitkan sektor swasta termasuk empat menteri, dalam rangka lawatan ke negara Asean bagi meningkatkan hubungan kerjasama dan menarik pelaburan ke Filipina.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata sempena lawatan itu juga, Dr Mahathir dan Arroyo akan menyaksikan perjanjian membabitkan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dan Kerajaan Filipina.

"Perjanjian itu membabitkan kerjasama dan persepakatan MILF dengan MNLF dan perjanjian perdamaian antara MILF dan Kerajaan Filipina.

"Rundingan damai membabitkan perundingan Kerajaan Filipina, MILF dan MNLF itu diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan," katanya kepada pemberita selepas majlis dialog dengan pemimpin Zon Pasak di Felda Pasak dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengerang, Harun Abdullah dan Adun Sedili, Asiah Md Ariff.

Syed Hamid berkata, perjanjian itu menampakkan pihak terbabit berminat untuk mewujudkan kedamaian dan keamanan bagi membantu Kerajaan Filipina dalam usaha mewujudkan iklim pelaburan di selatan Filipina.

"Mereka tidak ada pilihan untuk memulihkan keadaan di kawasan yang sentiasa terbabit dengan keganasan, jenayah dan pertelingkahan selain memulihkan keadaan dan keamanan untuk menarik keyakinan pelabur dari luar.

"Selain itu, lawatan berkenaan dapat meningkatkan hubungan dua hala dan sudah terjalin akrab tidak hanya membabitkan di bidang politik malah kerjasama di bidang ekonomi, sosial dan budaya," katanya.

Katanya, pemilihan Arroyo mendahului lawatan ke negara ini juga menandakan semangat kerjasama Malaysia-Filipina yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak di samping Brunei dan Indonesia juga dikatakan berminat memajukan selatan Filipina.

Mengenai masalah lanun, katanya, kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Filipina dilaksanakan secara berterusan melalui latihan dan rondaan bersama.

"Saya percaya Menteri Pertahanan Filipina yang menyertai delegasi Arroyo akan menggunakan kesempatan untuk bertemu dengan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak untuk meningkatkan hubungan sedia ada," katanya.

(END)